Melilea (M) Sdn Bhd lwn The New Straits Times Press (M) Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S5–23–110 TAHUN 2007
ROSILAH YOP PK
25 MAC 2012

Prosedur Sivil — Pliding — Fakta material — Tuntutan fitnah — Pembelaan perlindungan bersyarat — Plaintif memplidkan niat jahat — Sama ada isu niat jahat boleh ditimbulkan oleh plaintif — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 78 k 3

Tort — Fitnah — Libel dalam akhbar — Elemen penting yang mesti dibuktikan oleh plaintif — Sama ada penyataan mempunyai unsur-unsur fitnah — Sama ada pernyataan mempunyai kecenderungan untuk menjatuhkan reputasi plaintif — Sama ada penyataan merujuk kepada plaintif — Sama ada penyataan diterbitkan pada pihak ketiga — Pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat — Plaintif gagal memplidkan niat jahat — Sama ada pembelaan dibuktikan — Sama ada fitnah dibuktikan

Tort — Fitnah — Pembelaan — Justifikasi — Beban pembuktian — Sama ada pernyataan yang diterbitkan itu adalah fakta benar

Tort — Fitnah — Pembelaan — Perlindungan bersyarat — Libel dalam akhbar — Sama ada artikel yang disiarkan adalah berkepentingan awam dan melibatkan masyarakat keseluruhannya — Sama ada komen oleh Timbalan Menteri merupakan komen berpatutan yang berkepentingan awam — Sama ada terdapat 'malice' dalam penyiaran artikel

Tuntutan plaintif terhadap defendan pertama, kedua dan ketiga adalah berdasarkan kepada artikel-artikel yang telah disiarkan di dalam surat khabar. Telah dipersetujui bahawa artikel-artikel berkenaan telah diterbitkan kepada pihak ketiga. Tuntutan plaintif terhadap defendan pertama, kedua dan ketiga seperti telah diplidkan di dalam para 7, 7.1 dan 7.2 penyata tuntutan; tuntutan terhadap defendan keempat telah diplidkan di dalam perenggan 9.1 dan 9.2; dan tuntutan terhadap defendan ketujuh telah diplidkan di dalam perenggan 15 penyata tuntutan. Plaintif menyatakan bahawa semua penyataan tersebut dalam erti kata yang biasa dan semula jadi adalah bermakna dan bermaksud, inter alia, bahawa: (a) plaintif adalah tidak jujur dan sebuah syarikat yang tidak

dihormati orang ramai; (b) plaintif menipu pengedar-pengedar mereka daripada mendapat bonus-bonus serta komisyen-komisyen yang pengedar-pengedar tersebut berhak kepada; (c) plaintif telah bertindak secara tidak munasabah dengan menamatkan keahlian pengedar-pengedarnya tanpa sebab dan dengan itu menyebabkan kesengsaraan kepada pengedar-pengedar tersebut; (d) pengurusan plaintif adalah tidak bermoral dan beroperasi secara tidak jujur; (e) kualiti produk-produk plaintif adalah dikhuatiri; (f) plaintif dengan sengaja mengelak mesyuarat-mesyuarat yang dipanggil oleh defendan keempat oleh kerana plaintif mungkin ada sesuatu untuk disembunyikan; dan (g) plaintif adalah bersalah atas salah laku yang amat besar yang meyakinkan agar lesen plaintif yang dikeluarkan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 harus digantung. Defendan pertama hingga keempat telah membangkitkan pembelaan justifikasi, perlindungan bersyarat dan komen berpatutan. Defendan ketujuh tidak pernah hadir ke mahkamah sepanjang perbicaraan dan tiada sebarang keterangan dikemukakan oleh defendan ketujuh.

Diputuskan, menolak tuntutan terhadap defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat dengan kos dan membenarkan tuntutan terhadap defendan ketujuh dengan kos:

(1) Tiga elemen penting yang mesti dibuktikan oleh plaintif adalah: (i) sama ada penyataan-penyataan mempunyai unsur-unsur fitnah; (ii) penyataan-penyataan tersebut merujuk kepada plaintif; dan (iii) penyataan-penyataan telah diterbitkan pada pihak ketiga (lihat perenggan 5–6); *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315 dirujuk; *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283 dirujuk.

(2) Berkenaan pernyataan-pernyataan dalam para 7, 7.1 dan 7.2 penyata tuntutan, plaintif tidak membuktikan penyataan-penyataan berkenaan adalah berunsur fitnah kepada plaintif. Penyataan seperti yang diplidkan dalam penyata tuntutan plaintif tidak mempunyai kecenderungan untuk menjatuhkan reputasi plaintif atau pandangan seseorang terhadap plaintif menjadi lebih rendah atau membangkitkan kebencian kepada plaintif atau telah mengakibatkan plaintif dijauhi atau diabaikan oleh ahli masyarakat apabila artikel berkenaan dengan memberi maksud biasa dan semula jadi (lihat perenggan 22).

(3) Ujian sama ada plaintif adalah orang yang dimaksudkan itu hendaklah dirujuk dengan penyataan tersebut. Walau bagaimanapun dari segi undang-undang, sesuatu penyataan masih boleh dianggap merujuk kepada plaintif, walaupun tanpa menyebut namanya, asalkan keadaan boleh membuat orang yang mengenali plaintif secara munasabah mempercayai bahawa kenyataan tersebut merujuk kepada beliau. SP1 gagal kemukakan keterangan bahawa penyataan 'Not So Healthy, Not So

Direct?' adalah merujuk kepada plaintif. Manakala penyataan yang selebihnya merujuk kepada plaintif (lihat perenggan 25–27).

(4) Beban adalah terletak pada defendan untuk membuktikan pembelaan justifikasi ini. Untuk membuktikan pembelaan justifikasi, defendan mesti membuktikan bahawa penyataan yang dikatakan telah memfitnahkan plaintif adalah benar. Defendan pertama, kedua dan ketiga telah berjaya membuktikan pembelaan justifikasi mereka berdasarkan keterangan yang diberikan oleh SP1 sendiri. Penyataan yang dikatakan memfitnahkan plaintif seperti diplidkan adalah fakta yang benar (lihat perenggan); *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173 (dirujuk).

(5) Artikel-artikel yang disiarkan oleh defendan-defendan itu adalah artikel yang termasuk dalam kategori artikel yang berkepentingan awam dan melibatkan masyarakat keseluruhannya. Artikel disiarkan untuk menyampai maklumat kepada masyarakat dan tidak boleh ditafsirkan sebagai penyiaran secara mala fide. Tidak *diestablishkan* yang defendan pertama, kedua dan ketiga mempunyai 'malice' dalam menyiarkan artikel yang mempunyai penyataan-penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif. Defendan pertama, kedua dan ketiga telah mendapat perlindungan bersyarat dalam menyiar dan menerbit artikel tersebut (lihat perenggan 42–43 & 51).

(6) Plaintif tidak memplidkan niat jahat seperti yang perlu diplidkan mengikut peruntukan A 78 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat dapat dibuktikan oleh defendan pertama, kedua dan ketiga (lihat perenggan 52).

(7) Penyataan dalam perenggan 9.1 dan 9.2 tersebut membawa maksud yang plaintif adalah tidak jujur kerana telah menipu pengedar-pengedarnya daripada mendapat bonus dan komisyen yang mereka berhak dan bahawa plaintif bersalah atas salah laku yang besar yang meyakinkan agar lesen perniagaan plaintif digantungkan. Penyataan tersebut mengandungi unsur-unsur fitnah terhadap plaintif. Penyataan tersebut merujuk kepada plaintif dengan menyebut nama syarikat plaintif (lihat perenggan 53–54).

(8) Defendan keempat merupakan seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa material. Antara tugas beliau adalah mengawal selia dan bertanggungjawab ke atas Biro Pengaduan Awam yang menerima aduan orang ramai dan di dalam tindakan ini defendan keempat telah menerima aduan-aduan. Penyataan-penyataan tersebut adalah penyataan mengenai komen dan saranan yang benar dari defendan keempat sendiri yang merupakan komen berpatutan yang

berkepentingan awam. Defendan keempat telah berjaya di dalam pembelaan perlindungan bersyarat terhadap tuntutan plaintif (lihat perenggan 72,75 & 88).

(9) Penyataan dalam perenggan 15 tersebut merujuk kepada plaintif dan adalah berunsur fitnah terhadap plaintif (lihat perenggan 91).

[Bahasa Malaysia summary

The plaintiff's claim against the first, second and third defendants was based on the articles published in a newspaper. It was agreed that the articles were published to the third party. The plaintiff's claim against the first, second and third defendants had been pleaded in paras 7, 7.1 and 7.2 of the statement of claim; the claim against the fourth defendant was pleaded in paras 9.1 and 9.2; and the claim against the seventh defendant was pleaded in para 15 of the statement of claim. The plaintiff stated that all the statements in its ordinary and natural sense carried the meaning, inter alia, that: (a) the plaintiff was dishonest and a company that was not respected by public; (b) the plaintiff cheated their distributors from obtaining bonuses and commissions which the distributors were entitled to; (c) the plaintiff had acted unreasonably by terminating the membership of its distributors without any reason and therefore caused difficulty to the distributors; (d) the plaintiff's management was of immoral and operated dishonestly; (e) the quality of the plaintiff's products was doubtful; (f) the plaintiff deliberately avoided the meetings called for by the fourth defendant as the plaintiff might have something to hide; and (g) the plaintiff was guilty of a major misconduct which convinced the issuance of the plaintiff's licence under the Direct Sales and Anti-pyramid Scheme Act 1993 be suspended. The first to fourth defendants had raised the defence of justification, qualified privilege and fair comment. The seventh defendant had never been present in the court throughout the trial and there was no evidence adduced by the seventh defendant.

Held, dismissing the claim against the first, second, third and fourth defendants with costs and allowing the claim against the seventh defendant with costs:

(1) Three important elements which must be proven by the plaintiff were: (i) whether the statements contained the elements of defamation; (ii) the statements referred to the plaintiff; and (iii) the statements had been published to the third party (see paras 5–6); *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315 referred; *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283 referred.

(2) Pertaining to the statements in paras 7, 7.1 and 7.2 of the statement of claim, the plaintiff had not proven that the statements were defamatory of the plaintiff. The statements as pleaded in the plaintiff's statement of claim did not have the tendency to lower the plaintiff's reputation or

lower the plaintiff in the eyes of a person or raise hatred towards the plaintiff or caused the plaintiff being avoided or neglected by the members of the society when the article gave an ordinary and natural meaning (see para 22).

(3) The test as to whether the plaintiff was the person meant must be referred to the statement. However, in law, a statement could still be considered as referring to the plaintiff, although without mention of his name, as long as the situation could make people known to the plaintiff reasonably believe that the statement was referring to him. SP1 had failed to adduce the evidence that the statement 'Not So Healthy, Not So Direct?' was referring to the plaintiff. Whereas the rest of the statements were referring to the plaintiff (see paras 25–27).

(4) The burden was on the defendant to establish the defence of justification. In order to establish the defence of justification, the defendant must prove that the statement allegedly defamed the plaintiff was true. The first, second and third defendants had successfully proven the the defence of justification based on the evidence adduced by SP1 himself. The statement allegedly defamed the plaintiff as pleaded was a fact which was true (see para 34); *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173 (referred).

(5) The articles published by the defendants were the articles within the category of articles with public interest and involved the public at large. The article was published to send the message to the public and it could not be construed as mala fide publication. It was not established that the first, second and third defendants were 'malice' in publishing the article which contained the statements allegedly defamed the plaintiff. The first, second and third defendants were protected by qualified privilege in broadcasting and publishing the articles (see paras 42–43 & 51).

(6) The plaintiff had not pleaded malice as required to be pleaded pursuant to the provision of O 78 r 3 of the Rules of the High Court 1980. The defence of justification and qualified privilege was proven by first, second and third defendants (see para 52).

(7) The statement in paras 9.1 and 9.2 carried the meaning that the plaintiff was dishonest for having cheated its distributors from obtaining bonuses and commissions that they were entitled to and that the plaintiff was guilty of a major misconduct which was convincing so that the plaintiff's business licence was suspended. The statement contained elements of defamation against the plaintiff. The statement referred to the plaintiff by stating the name of the plaintiff company (see paras 53–54).

(8) The fourth defendant was a Deputy Minister in the Prime Minister's Department at the material time. Among his duty was to supervise and responsible towards the Public Complaint Bureau which receive the

complaints from the public and in this action the fourth defendant had received the complaints. The statements were statement on the comments and proposal which were truly from the fourth defendant himself which was a fair comment in the interest of the public. The fourth defendant was successful in the defence of qualified privilege against the plaintiff's claim (see paras 72, 75 & 88).

(9) The statement in para 15 referred to the plaintiff and was defamatory of the plaintiff (see para 91).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai fakta material, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 6504–6506.

Untuk kes-kes mengenai libel dalam akhbar, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 653–657.

Untuk kes-kes mengenai pembelaan, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 391–414.

Kes-kes yang dirujuk

Abu Samah bin Omar v Zainal bin Montel [2004] 5 MLJ 377; [2003] 1 LNS 501, MT (dirujuk)

Adam v Ward [1917] AC 309, HL (dirujuk)

Astaire v Campling [1965] 3 All ER 666, MR (dirujuk)

Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 324, MT (dirujuk)

Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd [1999] 1 MLJ 371; [1999] 1 CLJ 461, MR (dirujuk)

Chong Swee Huat & Anor v Lim Shian Ghee (t/a L & G Consultants & Education Services [2009] 3 MLJ 665; [2009] 4 CLJ 113, MR (dirujuk)

Hoe Thean Sun & Anor v Lim Tee Keng [1999] 3 MLJ 138; [1999] 1 CLJ 187, MT (dirujuk)

Jones v Skelton [1963] 3 All ER 952, PC (dirujuk)

Kian Lup Construction v Hongkong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32, MT (dirujuk)

Ng Hong Chai & Anor v Public Bank Bhd; Khor Liang Khek & Anor (third parties) [2011] 7 CLJ 498, MT (dirujuk)

S Pakianathan v Jenni Ibrahim [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ 771, MA (dirujuk)

Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd & Ors [1996] 1 MLJ 393, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Fitnah 1957 ss 8, 12

Akta Jualan Langsung 1993

Akta Keterangan 1950 ss 58, 101

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 78 k 3

Gabriel Daniel (Elaine Gan Peay Er bersamanya) (Paul Ong & Associates) bagi pihak plaintif.
Josephine Sui (Shahrizat Rashid & Lee) bagi pihak defendan pertama, kedua dan ketiga.
Mohammad Al-Saifi Hj Hashim (Jabatan Peguam Negara Malaysia) bagi pihak defendan keempat.
Vanaja Nambiar (Isharidah, Ho, Chong & Menon) bagi pihak defendan ketujuh.

Rosilah Yop PK:

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan pertama, kedua dan ketiga adalah berdasarkan kepada artikel yang disiarkan pada 20 Mac 2005 di dalam akhbar *The Sunday Mail*. Manakala tuntutan plaintif terhadap defendan keempat pula berdasarkan artikel di akhbar *The Malay Mail* yang disiarkan pada 21 Mac 2005.

[2] Plaintif telah pun mendapat penghakiman terhadap defendan kelima dan keenam.

[3] Defendan ketujuh pula tidak pernah hadir ke mahkamah sepanjang perbicaraan walaupun beliau ada dimaklumkan tentang tarikh bicara.

[4] Plaintif menuntut terhadap defendan ketujuh berdasarkan pada artikel yang dikatakan memfitnah plaintif yang disiarkan di dalam akhbar *Sunday Mail* bertarikh 20 Mac 2005.

UNDANG-UNDANG

[5] Tiga elemen penting mesti dibuktikan oleh plaintif untuk beliau berjaya di dalam tuntutannya iaitu:

(a) sama ada penyataan-penyataan mempunyai unsur-unsur fitnah;

(b) penyataan-penyataan tersebut merujuk kepada plaintif; dan

(c) penyataan-penyataan telah diterbitkan pada pihak ketiga.

[6] Lihat kes-kes; *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 324. Keputusan kes ini telah diikuti oleh Ramly Ali H di dalam kes *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32.

A TUNTUTAN PLAINTIF TERHADAP DEFENDAN PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA

[7] Adakah artikel-artikel yang disiarkan di dalam akhbar *The Sunday Mail* pada 20 Mac 2005 seperti yang diplidkan dalam perenggan 7, 7.1 dan 7.2 penyata tuntutan plaintif mempunyai usur-unsur fitnah?

[8] Dengan artikel-artikel yang disiarkan tersebut, plaintif menyatakan telah membawa makna seperti berikut:

(a) plaintif adalah tidak jujur dan sebuah syarikat yang tidak dihormati orang ramai;

(b) plaintif menipu pengedar-pengedar mereka daripada mendapat bonus-bonus serta komisyen-komisyen yang pengedar-pengedar tersebut berhak kepada;

(c) plaintif telah bertindak secara tidak munasabah dengan menamatkan keahlian pengedar-pengedarnya tanpa sebab dan dengan itu menyebabkan kesengsaraan kepada pengedar-pengedar tersebut;

(d) atas alasan-alasan tersebut di atas, pengurusan plaintif adalah tidak bermoral dan beroperasi secara tidak jujur; dan

(e) kualiti produk-produk plaintif adalah dikhuatiri.

[9] Tentang apa yang membawa maksud fitnah, saya merujuk kepada beberapa keputusan yang diterima seperti dinyatakan di dalam kes *Abu Samah bin Omar v Zainal bin Montel* [2004] 5 MLJ 377; [2003] 1 LNS 501 seperti berikut:

> In respect of this issue, it has been said that there is no precise test applied to determine whether or not any given words are defamatory or are capable of a defamatory imputation. Several general formulations have been accepted and may be stated as follows:
>
> (a) Any imputation which may tend 'to lower the plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally' (see *SB Palmer v AS & Ors* [1949] MLJ 6); 'to cut him off from society' or 'to expose him to hatred, contempt or ridicule' (see *Abdul Rahman Talib v Seenlvasagam & Anor* [1965] 1 MLJ 142);
>
> (b) A defamatory statement is one to a man's discredit, or which tends to lower him in the estimation of others, or to injure his reputation in his office, trade or profession, or to injure his financial credit or if the words cause him to be shunned or avoided: *Yussoupoff v Metro-Goldwyn- Mayer Pictures Ltd* [1934] 50 TLR 58 (CA); per Mohamed Azmi, J (later FCJ) in *Syed Husin Ali v Syarikat Percetakan Utusan Melayu Bhd & Anor* [1973] 2

MLJ 56 at p 58, *Gatley on Libel and Slander*, (6th Ed), p 4, as followed by Ramly Ali J in *Kian Lup Construction*, pp 41–42.

[10] Justeru itu di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd* [1999] 1 MLJ 371; [1997] 1 CLJ 461 pada ms 374 (MLJ); ms 467 (CLJ), menyatakan:

> … the test which is to be applied lies in the question: do the words published in their natural and ordinary meaning impute to the plaintiff any dishonorouble or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of one defamatory.

[11] Plaintif menyatakan dengan defendan pertama, kedua dan ketiga menyiarkan penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif di dalam akhbar *The Sunday Mail* telah membawa makna terhadap plaintif seperti di perenggan (a)–(e) di atas.

[12] Sekalipun penyataan-penyataan berkenaan merosakkan plaintif, ujian di dalam kes *Astaire v Campling* [1965] 3 All ER 666 adalah jelas bahawa tidak semua penyataan itu fitnah hanyalah kerana ia boleh menyebabkan kerosakan pada plaintif. Tapi sebaliknya penyataan berkenaan itu sendiri mesti mempunyai alegasi fitnah atau penyataan itu sendiri adalah palsu atau tidak benar.

[13] Dalam keadaan ini kenyataan tersebut perlu membawa maksud biasa dan semula jadi. Semasa SP1 disoal balas oleh peguam defendan pertama, kedua dan ketiga, beliau bersetuju bahawa:

(a) Stella Yoon adalah pengedar bagi syarikat plaintif sepenuh masa;

(b) komisyen dan bonus telah digantung oleh plaintif sebelum surat penamatan bertarikh 30 April 2004. Komisyen dan bonus telah digantung pada Januari 2004;

(c) setakat Januari 2004 semua bonus dan komisyen telah digantung bagi semua pengedar plaintif;

(d) sebelum pergantungan bonus dan komisyen berkenaan dikenakan ke atas bekas-bekas pengedar plaintif, plaintif tidak pernah berkomunikasi dengan bekas pengedar beliau pada tahun 2003. Plaintif hanya tahu keadaan ini pada Januari 2004;

(e) pengurus plaintif, iaitu Cik Lai juga tahu mengenai dengan pergantungan bonus dan komisyen ini oleh plaintif; dan

(f) plaintif akui yang keahlian Stella Yoon (defendan keenam) telah ditamatkan kerana Stella Yoon telah melanggar peraturan dan undang-undang syarikat plaintif.

[14] Sama ada penyataan berkenaan sebenarnya penyataan sebenar yang memfitnahkan plaintif, adalah bergantung pada keterangan fakta yang dikemukakan oleh saksi-saksi plaintif.

[15] Di dalam kes *Ng Hong Chai & Anor v Public Bank Bhd; Khor Liang Khek & Anor (third parties)* [2011] 7 CLJ 498, mahkamah menyatakan:

> Whether the statement was actually defamatory depends largely on the circumstances of the given case to be decided on the available facts.

[16] SP1, semasa memberi keterangan untuk plaintif tidak merujuk kepada perkataan sebenar di dalam artikel bertarikh 20 Mac 2005 yang dikatakan memfitnah plaintif.

[17] Dalam konteks ini, mahkamah tidak boleh bergantung pada tekaan dan andaian untuk membuat keputusan sama ada penyataan berkenaan telah memfitnahkan plaintif bila disiarkan pada pihak ketiga.

[18] Beban adalah atas plaintif, untuk buktikan penyataan-penyataan berkenaan adalah berunsur fitnah kepada plaintif. Ini tidak dilakukan oleh plaintif di dalam tindakan ini. Penyataan yang spesifik atau penyataan yang dikatakan mempunyai unsur-unsur fitnah yang memfitnahkan plaintif yang mengakibatkan reputasi plaintif di dalam masyarakat tidak diketahui.

[19] Di dalam tindakan ini, penyataan yang dikatakan memfitnahkan plaintif tidak di*establish*kan melalui keterangan SP1. Adalah sama pentingnya bahawa penyataan yang dikatakan memfitnahkan plaintif itu yang membawa kepada maksud biasa dan semula jadi perlu di*establish*kan.

[20] Apakah keadaan yang boleh membawa kepada faktor yang boleh menjatuhkan reputasi plaintif di kalangan masyarakat?

[21] Ini adalah persoalan fakta yang amat penting tapi tidak ada keterangan dikemukakan untuk membuktikan fakta ini. Ianya adalah satu perkara yang semata-matanya spekulasi sama ada kandungan artikel bertarikh 20 Mac 2005 itu telah dilihat sebagai negatif terhadap plaintif bagi mereka yang membaca artikel berkenaan.

[22] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya dapati penyataan seperti yang

diplidkan dalam perenggan 7, 7.1 dan 7.2 dalam penyata tuntutan plaintif tidak mempunyai kecenderungan untuk menjatuhkan reputasi plaintif atau pandangan seseorang terhadap plaintif menjadi lebih rendah atau membangkitkan kebencian kepada plaintif atau telah mengakibatkan plaintif dijauhi atau diabaikan oleh ahli masyarakat apabila artikel berkenaan dengan memberi maksud biasa dan semula jadi.

[23] Tidak ada keterangan dari plaintif yang meng*establish*kan bahawa seseorang yang munasabah akan berfikir yang plaintif adalah seorang yang tidak jujur dan syarikat yang tiada reputasi, penipu, tidak berprinsip dan telah bertindak dengan secara yang tidak munasabah dengan menamatkan keahlian pengedar-pengedar beliau.

[24] Oleh itu, saya dapati isu sama ada artikel bertarikh 20 Mac 2005 tersebut memfitnah plaintif, tiada bukti dikemukakan untuk menyokong alegasi berkenaan. Ianya adalah perkara spekulasi tulen sama ada kandungan artikel atas penyataan fitnah berkenaan telah dilihat secara negatif oleh orang yang berkenaan terhadap plaintif.

SAMA ADA PENYATAAN MERUJUK PADA PLAINTIF

[25] Untuk plaintif berjaya di dalam tindakan fitnah, plaintif tidak hanya membuktikan yang defendan-defendan telah siarkan penyataan demikian dan penyataan tersebut mempunyai unsur fitnah tetapi plaintif mesti juga membuktikan yang orang yang difitnahkan itu adalah plaintif sendiri. Ujian sama ada plaintif adalah orang yang dimaksudkan itu hendaklah dirujuk dengan penyataan tersebut, lihat *Gatley on Libel and Slander*, (Edisi Ke-10).

[26] Walau bagaimanapun dari segi undang-undang, sesuatu penyataan masih boleh dianggap merujuk kepada plaintif, walaupun tanpa menyebut namanya, asalkan keadaan boleh membuat orang yang mengenali plaintif secara munasabah mempercayai bahawa kenyataan tersebut merujuk kepada beliau, lihat kes *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32.

[27] Dari keterangan SP1, SP1 gagal kemukakan keterangan bahawa penyataan 'Not So Healthy, Not So Direct?' adalah merujuk kepada plaintif. Menggunakan ujian seperti yang diputuskan oleh kes-kes, dalam maksud biasa dan semula jadi (*natural and ordinary meaning*) dan mengingatkan yang pembaca munasabah adalah tidak naif dan boleh faham maksud yang tersirat dan bila membaca penyataan berkenaan pada keseluruhannya, penyataan ini tidak membawa maksud fitnah kepada plaintif.

[28] Manakala penyataan 'Ex-distributors fall on hard times' dan seterusnya

penyataan 'That is until her nightmare begin in December 2003 when her bonus was suddenly suspended without reason. Attempts to find out why failed as the Melilea management refused to talk to her. Not only that, her membership was subsequently terminated for alleged breach of company rules and regulations'.

[29] Di dalam artikel ini cuma disebut perkataan Melilea tapi plaintif adalah Melilea (M) Sdn Bhd. Di dalam artikel berkenaan ada dinyatakan peristiwa yang berlaku antara pihak pengurusan Melilea dengan bekas pengedar plaintif. Dari penyataan di atas, adalah dikatakan bahawa Melilea adalah sebuah syarikat.

[30] Jadi saya membuat inferens bahawa seseorang yang munasabah yang membaca artikel ini akan tahu bahawa artikel ini merujuk kepada plaintif, tambahan lagi jika kakitangan plaintif yang membaca artikel berkenaan. Saya dapati artikel ini merujuk kepada plaintif.

PENERBITAN

[31] Di dalam ikatan dokumen bertanda H bagi fakta-fakta yang dipersetujui di antara plaintif dengan defendan pertama, kedua dan ketiga yang artikel-artikel berkenaan telah diterbitkan kepada pihak ketiga.

[32] Dalam keadaan begini s 58 Akta Keterangan 1950 terpakai, fakta-fakta yang dipersetujui tidak perlu dibuktikan di dalam mahkamah. Maka dengan itu, mahkamah dapati bahawa artikel pada perenggan 7, 7.1 dan 7.2 penyata tuntutan telah diterbitkan kepada pihak ketiga.

PEMBELAAN

[33] Pembelaan defendan pertama, kedua dan ketiga adalah atas dasar pembelaan justifikasi dan secara alternatifnya adalah perlindungan bersyarat.

Pembelaan justifikasi

[34] Beban adalah terletak pada defendan pertama, kedua dan ketiga untuk *establish*kan pembelaan justifikasi ini. Untuk *establish*kan pembelaan justifikasi, defendan mesti buktikan bahawa penyataan berkenaan yang dikatakan defendan pertama, kedua dan ketiga telah memfitnahkan plaintif adalah benar; rujuk kes *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ 771.

[35] Seksyen 8 Akta Fitnah 1957 juga telah memperuntukkan mengenai pembelaan justifikasi ini.

[36] Defendan pertama, kedua dan ketiga perlu membuktikan yang penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif seperti yang diplidkan itu adalah penyataan-penyataan yang benar.

[37] Adakah defendan pertama, kedua dan ketiga membuktikannya? Adalah tidak dipertikaikan bahawa:

(a) Stella Yoon iaitu defendan keenam adalah bekas pengedar kepada plaintif;

(b) defendan keenam juga telah bekerja sebagai pengedar sepenuh masa dengan plaintif;

(c) SP1 sahkan di dalam pemeriksaan balas bahawa tidak ada apa-apa komunikasi antara plaintif dengan bekas pengedar plaintif dalam tahun 2003;

(d) SP1 sahkan bahawa bonus dan komisyen yang sepatutnya plaintif berikan pada bekas-bekas pengedar plaintif telah digabungkan sebelum surat penamatan bertarikh 30 April 2005 diberikan oleh plaintif kepada bekas pengedar plaintif. Bonus dan komisyen mereka telah digantungkan oleh plaintif sejak awal Januari 2004 lagi;

(e) keahlian defendan keenam telah ditamatkan kerana defendan keenam telah ditamatkan kerana defendan keenam telah melanggar peraturan dan undang-undang syarikat plaintif; dan

(f) bila disoal oleh SD2; plaintif enggan komen kenapa bonus kepada bekas pengedar beliau telah digantungkan.

[38] Dari keterangan yang dikemukakan bagi kes defendan pertama, kedua dan ketiga, saya dapati bahawa defendan pertama, kedua dan ketiga telah berjaya membuktikan pembelaan justifikasi mereka berdasarkan keterangan yang diberikan oleh SP1 sendiri. Saya dapati bahawa penyataan yang dikatakan memfitnahkan plaintif seperti diplidkan pada perenggan 7.2 penyata tuntutan adalah fakta yang benar.

Pembelaan perlindungan bersyarat

[39] *A privilege occasion is an occasion … where the person who makes a communication has an interest or duty, legal, social or normal to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty of receive it the reciprocity is essential* diputuskan oleh Lord Atkinson di dalam kes *Adam v Ward* [1917] AC 309.

[40] Di dalam buku *The Law of Defamation in Singapore and Malaysia* (2nd Ed), oleh Keith R Evans, di ms 62, penulisnya menyatakan:

A Qualified Privilege is a right limited to an individual who stands in such relation to the circumstances that he is entitled to say or write that which would be libelous on the part of anyone else. A privilege occasion is one which the privileged person is entitled to say something which no one who is within the privilege is entitled to say on that occasion.

B

[41] Pembelaan perlindungan bersyarat telah diperuntukkan dalam s 12 Akta Fitnah 1957. Defendan pertama, kedua dan ketiga juga telah memplidkan pembelaan perlindungan bersyarat dan menyatakan bahawa isi kandungan artikel bertarikh 20 Mac 2005 telah diterbitkan di dalam suatu C keadaan di bawah perlindungan bersyarat sama ada di bawah undang-undang lazim atau s 12 Akta Fitnah 1957.

[42] Artikel-artikel yang disiarkan oleh defendan-defendan itu adalah artikel yang termasuk dalam kategori artikel yang berkepentingan awam dan D melibatkan masyarakat keseluruhannya.

[43] Artikel disiarkan untuk menyampai maklumat kepada masyarakat dan tidak boleh ditafsirkan sebagai penyiaran secara mala fide. Tidak di*establish*kan yang defendan pertama, kedua dan ketiga mempunyai 'malice' dalam E menyiarkan artikel yang mempunyai penyataan-penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif.

[44] Tidak dipertikaikan bahawa artikel yang disiarkan pada 20 Mac 2005 adalah berkaitan dengan maklumat atau informasi yang diberikan semasa F perjumpaan di antara SD2 (defendan ketiga) dengan bekas-bekas pengedar beliau termasuk defendan kelima, keenam dan ketujuh di Hotel Midah, Kuala Lumpur. Perjumpaan ini diadakan sebelum dari artikel-artikel ini disiarkan.

[45] Perjumpaan diadakan dengan tujuan untuk berbincang mengenai G perkara-perkara yang berbangkit antara plaintif dan bekas-bekas pengedar beliau yang mana perkara ini telah menjadi isu untuk kepentingan awam yang mana masyarakat perlu mengetahuinya.

[46] SD2 di dalam keterangan beliau menyatakan bahawa plaintif H merupakan satu organisasi yang besar dengan ahli-ahli dan agen-agen melebihi dari 150,000 keahlian. Fakta ini tidak disampaikan oleh plaintif. Artikel bertarikh 20 Mac 2005 berkenaan disiarkan untuk kepentingan awam. Oleh yang demikian defendan pertama, kedua dan ketiga telah mendapat perlindungan bersyarat dalam menyiar dan menerbit artikel seperti yang I diplidkan dalam perenggan 17,17.1 dan 17.2 penyata tuntutan plaintif.

NIAT JAHAT (MALICE)

[47] Elemen niat jahat perlu dibuktikan oleh plaintif untuk menggagalkan

pembelaan perlindungan bersyarat dari defendan pertama, kedua dan ketiga. Beban adalah atas plaintif untuk membuktikan niat jahat ini, rujuk kes *Hoe Thean Sun & Anor v Lim Tee Keng* [1999] 3 MLJ 138; [1999] 1 CLJ 187.

[48] Plaintif di dalam tindakan ini gagal untuk buktikan yang defendan pertama, kedua dan ketiga secara tidak jujur menggunakan perlindungan bersyarat ini. Plaintif gagal untuk mematuhi peruntukan A 78 k 3, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk membuktikan niat jahat defendan pertama, kedua dan ketiga dalam menyiarkan artikel bertarikh 20 Mac 2005.

[49] Saya dapati defendan pertama, kedua dan ketiga mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menyiarkan artikel bertarikh 20 Mac 2005 kepada orang awam yang mempunyai kepentingan yang sama untuk menerima dan mengetahuinya.

[50] Berdasarkan pada alasan-alasan di atas, plaintif telah gagal untuk melepaskan beban bukti yang dikenakan ke atas beliau untuk membuktikan penyataan yang didakwa oleh plaintif seperti yang diplidkan dalam perenggan 17, 17.1 dan 17.2 penyata tuntutan plaintif adalah memfitnah plaintif dan merujuk pada plaintif.

[51] Penyataan yang disiarkan adalah berkepentingan awam dan dilindungi oleh perlindungan bersyarat. Defendan pertama, kedua dan ketiga tidak bertindak untuk menyiarkan artikel-artikel berkenaan secara niat jahat (*malice*).

[52] Plaintif tidak memplidkan niat jahat seperti yang yang perlu diplidkan mengikut peruntukan A 78 k 3, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi (KMT) 1980. Pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat dapat dibuktikan oleh defendan pertama, kedua dan ketiga. Dengan itu, mahkamah dapati plaintif tidak dapat membuktikan yang plaintif alami kerugian dan kerosakan.

TUNTUTAN PLAINTIF TERHADAP DEFENDAN KEEMPAT

[53] Penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif oleh defendan keempat diplidkan dalam perenggan 9.1–9.2 di dalam penyata tuntutan plaintif (penyataan tersebut).

SAMA ADA PENYATAAN-PENYATAAN TERSEBUT MEMPUNYAI UNSUR FITNAH

[54] Plaintif memplidkan bahawa semua penyataan tersebut dalam erti kata yang biasa dan asalnya bermakna dan dimaksudkan bahawa:

(a) plaintif adalah tidak jujur dan syarikat yang tidak dihormati orang ramai

kerana ia telah menipu pengedar-pengedarnya daripada mendapat bonus-bonus dan komisyen-komisyen yang mereka berhak kepada;

(b) plaintif dengan sengaja mengelak mesyuarat-mesyuarat yang dipanggil oleh defendan keempat oleh kerana plaintif mungkin ada sesuatu untuk disembunyikan; dan

(c) plaintif adalah bersalah atas salah laku yang amat besar yang meyakinkan agar lesen plaintif yang dikeluarkan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 harus digantungkan.

[55] Undang-undang adalah jelas bahawa untuk sesuatu penyataan itu fitnah atau tidak, memadai dengan terdapatnya kecenderungan untuk penyataan itu cenderung untuk membuat seseorang yang munasabah atau berfikiran waras berfikir buruk terhadap plaintif atau sama ada penyataan tersebut akan menyebabkan plaintif akan dijauhi atau dielakkan.

[56] Penyataan tersebut hendaklah difahami dengan makna yang bermaksud biasa dan semula jadi; lihat kes *Jones v Shelton* [1963] 3 All ER 952.

[57] Peguam plaintif menghujahkan dengan orang yang munasabah atau waras membaca penyataan tersebut dalam maksud biasa dan semula jadi bermaksud yang plaintif telah pun bersalah dan lesen perniagaan untuk dibatalkan walaupun siasatan belum lagi disempurnakan juga plaintif telah menipu pengedar-pengedarnya daripada mendapat bonus dan komisyen yang mereka berhak.

[58] Juga plaintif dengan sengaja mengelak mesyuarat-mesyuarat yang dipanggil oleh defendan keempat oleh kerana plaintif mungkin ada sesuatu untuk disembunyikan.

[59] Peguam defendan keempat pula menghujahkan bahawa sekiranya penyataan tersebut difahamkan secara keseluruhannya, adalah jelas bahawa defendan keempat sebagai seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengendalikan Biro Pengaduan Awam (sebuah agensi yang menerima aduan dari orang awam) hanya mencadangkan untuk siasatan dijalankan ke atas plaintif dan menyarankan tindakan yang harus diambil terhadap plaintif. Pembatalan pertemuan antara plaintif dan defendan keempat oleh plaintif di saat akhir perjumpaan yang dijadualkan adalah benar.

[60] Penyataan defendan keempat mengenai dengan gesaan beliau untuk polis menyiasat plaintif adalah berdasarkan laporan polis yang beliau terima daripada pengadu-pengadu laporan polis berkenaan.

[61] Setelah mahkamah meneliti secara keseluruhan penyataan tersebut,

mahkamah dapati bahawa penyataan tersebut membawa maksud yang plaintif adalah tidak jujur kerana telah menipu pengedar-pengedarnya daripada mendapat bonus dan komisyen yang mereka berhak.

[62] Juga plaintif sengaja mengelak pertemuan atau mesyuarat dengan defendan keempat oleh kerana plaintif mungkin ada sesuatu untuk disembunyikan dan plaintif bersalah atas salah laku yang besar yang meyakinkan agar lesen perniagaan plaintif digantungkan. Mahkamah telah berpuas hati bahawa penyataan tersebut mengandungi unsur-unsur fitnah terhadap plaintif.

SAMA ADA PENYATAAN TERSEBUT MERUJUK PADA PLAINTIF

[63] Setelah penelitian dibuat pada penyataan tersebut, suatu keterangan yang dikemukakan oleh SP1, saya dapati adalah dengan jelas penyataan tersebut merujuk kepada plaintif dengan menyebut nama syarikat plaintif.

PENERBITAN

[64] Di dalam penyata pembelaan terpinda defendan pertama, kedua dan ketiga telah mengakui yang defendan pertama sebagai penerbit dan pencetak akhbar *Sunday Mail* dan *The Malay Mail*, defendan kedua sebagai ketua pengarang kumpulan syarikat defendan pertama dan defendan ketiga sebagai penulis. Penyataan tersebut yang mereka telah pada 21 Mac 2005 menyiarkan penyataan tersebut di dalam akhbar *The Malay Mail*.

[65] Penyiaran atau penerbitan pada penyataan tersebut telah diakui oleh defendan pertama, kedua dan ketiga jadi adalah terbukti yang penyataan telah disiarkan pada pihak ketiga. Penyataan yang diakui ini tertakluk di bawah s 58 Akta Keterangan 1950.

PEMBELAAN

[66] Defendan keempat telah membangkitkan dua pembelaan iaitu pembelaan komen berpatutan dan secara alternatifnya pembelaan perlindungan bersyarat.

Komen berpatutan

[67] Defendan keempat menyatakan yang penyataan tersebut yang merupakan penyataan fitnah terhadap plaintif adalah penyataan fakta yang benar dan merupakan komen berpatutan berdasarkan kepentingan awam.

[68] Untuk pembelaan komen berpatutan berjaya, elemen-elemen berikut perlu di*establish*kan seperti yang dinyatakan dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393 yang menyatakan:

> For the defence of fair comment, in order to succeed the following basic elements must be established by the defendants namely:
>
> (i) that the words complained of are comments, though they may consists of or include inference of facts;
>
> (ii) that the comments are in the matter of public interest, and
>
> (iii) that the comments are based on fact, truly stated. They must also be fair and which or fair-minded person can honestly make on the facts proved: see JB Jeyavetnam.

[69] Di dalam tindakan ini penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif adalah seperti yang diplidkan pada perenggan 9.1–9.2 penyata tuntutan plaintif di mana saya telah memutuskan sebagai penyataan-penyataan yang berunsur memfitnah plaintif.

[70] Adakah defendan keempat berjaya di dalam pembelaan komen berpatutan seperti yang diplidkan.

[71] Daripada penelitian keseluruhan keterangan dan berpandukan pada kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub v Bre Sdn Bhd and Ors*, saya dapati bahawa penyataan tersebut adalah saranan dan komen daripada defendan keempat berdasarkan kepada fakta-fakta yang mana saranan dan komen tersebut merupakan komen dalam saranan yang berkepentingan awam.

[72] Defendan keempat merupakan seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa material. Antara tugas beliau adalah mengawal selia dan bertanggungjawab ke atas Biro Pengaduan Awam yang menerima aduan orang ramai dan di dalam tindakan ini defendan keempat telah menerima aduan-aduan yang diketuai oleh defendan kelima.

[73] Defendan keempat mengambil tindakan bagi memastikan segala aduan yang beliau terima dapat diselesaikan dan dipanjangkan kepada pihak yang berkaitan untuk tindakan tapi masih di bawah pengawasan dan seliaan beliau.

[74] Defendan keempat bertanggungjawab untuk mencadangkan, mensarankan atau komen apa jua masalah, tindakan atau penyelesaian selagi beliau tidak melampaui kuasa yang dimandatkan oleh rakyat kepada beliau dan juga undang-undang negara.

[75] Dengan itu saya dapati defendan keempat dapat membuktikan bahawa penyataan-penyataan tersebut merupakan cadangan atau saranan atau komen dari defendan keempat yang berkepentingan awam. Penyataan-penyataan tersebut adalah penyataan mengenai komen dan saranan yang benar dari defendan keempat sendiri yang merupakan komen berpatutan yang berkepentingan awam.

Pembelaan perlindungan bersyarat

[76] Defendan keempat memplidkan pembelaan perlindungan bersyarat sebagai pembelaan alternatif. Mahkamah berpendapat bahawa pembelaan perlindungan bersyarat hanyala terpakai di dalam keadaan di mana wujudnya keadaan yang dilindungi.

[77] Keadaan yang dilindungi adalah di mana *where the person who makes the communication has an interest or duty, legal, social or normal to make it to the person to whom it is made and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty of receive it. The reciprocity is essential*: rujuk kes *Adam v Ward* [1917] AC 307 di ms 334.

[78] Defendan keempat yang membuat penyataan tersebut perlu mempunyai kepentingan atau mendedahkan penyataan tersebut kepada orang yang menerimanya di mana orang yang menerima patut juga mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk menerimanya.

[79] Untuk membangkitkan pembelaan perlindungan bersyarat, defendan keempat perlu buktikan yang penyataan-penyataan tersebut telah mewujudkan satu keadaan yang dilindungi dan penyataan-penyataan tersebut tidak berniat jahat.

[80] Dari keterangan yang dikemukakan adalah di*establish*kan bahawa defendan keempat adalah seorang yang bertanggungjawab ke atas Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dijawatnya. Defendan keempat bertanggungjawab meneliti sebarang aduan orang awam dan permasalahan dan cuba menyelesaikannya.

[81] Penyataan-penyataan yang dibuat oleh defendan keempat terhadap plaintif seperti yang diplidkan dalam perenggan 9.1–9.2 penyata tuntutan merupakan cadangan atau saranan atau komen defendan keempat bagi sebarang tindakan susulan. Apa yang dinyatakan oleh defendan keempat itu adalah berkepentingan awam dan merupakan keadaan yang dilindungi.

[82] Defendan keempat perlu mendedahkan pada orang awam agar

kepentingan awam terjaga dimana kepentingan segolongan masyarakat terjejas akibat tindakan dari segolongan masyarakat yang lain. Defendan keempat mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kepentingan orang awam.

SAMA ADA TERDAPAT NIAT JAHAT(*MALICE*)

[83] Di dalam kes *Chong Swee Huat & Anor v Lim Shian Ghee (t/a L & G Consultants & Education Services* [2009] 3 MLJ 665; [2009] 4 CLJ 113, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> when there is a malice in such publication, the defence of qualified privilege is nullified.

[84] Beban adalah atas plaintif untuk membuktikan sekiranya defendan keempat mempunyai niat jahat dalam penerbitan penyataan tersebut.

[85] Walau bagaimanapun plaintif gagal untuk mematuhi peruntukan A 78 k 3, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di mana plaintif gagal untuk memplidkan butir-butir mengenai fakta daripada mana-mana niat jahat berkenaan diinferkan.

[86] Atas kegagalan tersebut, mahkamah ini tidak dapat memberi pertimbangan atas isu niat jahat yang dikatakan defendan keempat mempunyai niat jahat mengeluarkan penyataan tersebut.

[87] Saya dapati defendan keempat mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menyiarkan penyataan-penyataan tersebut kepada orang awam dan orang awam pula mempunyai kepentingan untuk menerimanya.

[88] Berdasarkan pada alasan-alasan yang dinyatakan, saya dapati defendan keempat telah berjaya di dalam pembelaan perlindungan bersyarat terhadap tuntutan plaintif.

TUNTUTAN PLAINTIF TERHADAP DEFENDAN KETUJUH

[89] Defendan ketujuh tidak pernah hadir ke mahkamah sepanjang perbicaraan dijalankan walaupun defendan ketujuh telah dimaklumkan tentang tarikh bicara. Tidak ada sebarang keterangan dikemukakan oleh defendan ketujuh di dalam prosiding perbicaraan ini.

[90] Walau bagaimanapun untuk plaintif berjaya di dalam tuntutannya, plaintif perlu membuktikan kesnya: lihat s 101 Akta Keterangan 1950.

[91] Penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif oleh defendan ketujuh diplidkan oleh plaintif di perenggan 15 di dalam penyata tuntutan plaintif. A

[92] Adalah diakui oleh defendan pertama, kedua dan ketiga yang mereka telah menyiarkan penyataan-penyataan ini pada 20 Mac 2005 melalui akhbar *Sunday Mail*. B

[93] Plaintif memplidkan kesan daripada penyataan tersebut dalam erti kata yang biasa dan semula jadi adalah bermakna dan bermaksud bahawa:

(a) plaintif adalah tidak jujur dan syarikat yang tidak dihormati orang ramai; C

(b) plaintif menipu pengedar-pengedar mereka daripada menerima bonus-bonus serta komisyen-komisyen mereka; dan

(c) atas alasan tersebut di atas, pengurusan plaintif adalah tidak bermoral dan beroperasi secara tidak jujur. D

[94] Dari penelitian penyataan tersebut dari keterangan SP1, saya dapati bahawa penyataan tersebut adalah merujuk kepada plaintif. Walaupun di dalam penyataan tersebut hanya menyebut Melilea, tapi saya berpendapat bahawa seorang pembaca yang waras atau rasional yang membaca penyataan tersebut terutamanya mereka yang terlibat dengan syarikat plaintif akan tahu yang Melilea itu adalah syarikat plaintif. E

[95] Dalam keadaan ini, bila seseorang yang berfikiran waras membaca kenyataan ini, mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahwa penyataan-penyataan yang dibuat oleh defendan ketujuh ini adalah berunsur fitnah terhadap plaintif, setelah membaca keseluruhan penyataan-penyataan tersebut. F

[96] Defendan ketujuh tidak hadir untuk memberi keterangan, maka dengan itu segala pembuktian oleh plaintif mengenai penyataan defendan ketujuh itu tidak dapat disangkal oleh plaintif. G

[97] Dengan itu, saya dapati bahawa plaintif telah membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian terhadap defendan ketujuh. H

[98] Berdasarkan semua alasan-alasan di atas, saya dapati bahawa atas imbangan kebarangkalian, plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan pertama, kedua dan ketiga. Maka dengan itu tuntutan plaintif terhadap defendan pertama, kedua dan ketiga ditolak oleh mahkamah dengan kos. Kos untuk ditaksirkan. I

[99] Manakala tuntutan plaintif terhadap defendan keempat juga,

mahkamah dapati plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan keempat. Dengan itu, tuntutan plaintif terhadap defendan keempat ditolak dengan kos dan kos untuk ditaksirkan.

[100] Plaintif telah pun mendapat penghakiman terhadap defendan kelima dan defendan keenam.

[101] Mahkamah dapati plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan ketujuh. Maka dengan itu, tuntutan plaintif terhadap defendan ketujuh diluluskan dengan kos. Taksiran ganti rugi untuk didengar di hadapan pendaftar. Kos untuk ditaksirkan.

Tuntutan terhadap defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat ditolak dengan kos dan tuntutan terhadap defendan ketujuh dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum